

UCAPAN

YANG BERHORMAT

**DATIN SERI PADUKA HAJAH HAYATI BINTI PEHIN ORANG KAYA
SHAHBANDAR DATO SERI PADUKA HJ MOHD SALLEH**

PEGUAM NEGARA

**PADA HARI TERBUKA PEJABAT PEGUAM NEGARA (AGC)
DAN PELANCARAN BUKU LAPORAN AGC REPORT 2013-2015**

KHAMIS, 3 SEPTEMBER 2015

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

بسم الله الرحمن الرحيم

Kehadapan Majlis Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Terlebih dahulu, dengan penuh hormat dan takzim hamba Tuanku dan seluruh Jawatankuasa Hari Terbuka Pejabat Peguam Negara 2015 dan Pelancaran Buku Laporan Pejabat Peguam Negara 2013 – 2015, serta pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara mengalu-alukan dan menyembahkan menjunjung kasih di atas kesudian Tuanku berangkat ke majlis pada pagi ini. Keberangkatan Tuanku setentunya akan memberikan inspirasi kepada pelajar-pelajar yang menjadi tetamu khas kita pada pagi ini.

Ampun Tuanku, hamba Tuanku menjunjung perkenan untuk memberikan sedikit ucapan kepada yang hadir dalam bahasa biasa.

Yang Mulia Puan Naimah binti Md Ali, Peguamcara Negara, dan selaku Penasihat Jawatankuasa Penganjur,

Yang Mulia Awang Haji Mohammad Yusree bin Haji Junaidi, Penolong Peguamcara Negara I,

dan Yang Mulia Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohd Taib, Penolong Peguamcara Negara II, sebagai Pengerusi Bersama,

Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur dan Jawatankuasa Editorial yang diketuai oleh Yang Mulia Puan Alice Khan, Penggubal Undang-Undang.

Para tetamu, pegawai kanan Kerajaan, pegawai dan kakitangan Pejabat Peguam Negara (AGC), pelajar undang-undang (bakal peguam dan mudah-mudahan pegawai AGC masa hadapan), Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah Kurnia-Nya jua mengizinkan kita sekalian berkumpul hari ini dalam majlis Hari Terbuka Pejabat Peguam Negara 2015 dan Pelancaran Buku Laporan 2013 – 2015 Pejabat Peguam Negara.

Majlis ini dianjurkan sebagai sebahagian daripada inisiatif Pejabat Peguam Negara untuk menggalakkan pelajar-pelajar menimbangkan kerjaya mereka dengan AGC. Pejabat Peguam Negara telah memberikan ceramah kerjaya secara berterusan atas permintaan institusi pendidikan tinggi untuk pelajar-pelajar yang bercita-cita mengambil ijazah undang-undang. Usaha mendekati pelajar-pelajar ini juga dilakukan di luar Negara Brunei Darussalam oleh saya sendiri bersama 3 orang pegawai dengan menyampaikan ceramah pada

Februari 2015 kepada pelajar-pelajar yang pada masa ini mengambil jurusan undang-undang di United Kingdom. Saya rasa ada antara awda yang hadir pada masa itu dan saya berserta pegawai-pegawai saya telah berhasil membuat interaksi dengan awda semua. Amat menggalakkan sekali melihat minat yang ditunjukkan oleh para pelajar dalam mengambil jurusan undang-undang sebagai kerjaya mereka memandangkan AGC terus menghadapi tugas yang mencabar untuk mengambil kerja dan mengekalkan perkhidmatan peguam yang berkelayakan. Selaras dengan tema Hari Kebangsaan negara kita pada tahun ini, iaitu “Generasi Berwawasan” dan tema Hari Belia – “Belia Berwawasan Menjana Ekonomi”, saya tetap mengatakan masa hadapan profesion undang-undang terletak pada awda (pelajar-pelajar yang dikasihi) sebagai generasi peguam masa hadapan.

AWDA AKAN BERTANYA, KENAPA BERKHIDMAT DENGAN AGC?

Saya menjawabnya dengan sedikit nostalgia dan pengalaman peribadi dan dengan melihat balik perkembangan kerjaya saya sejak 8 Januari 1981 sebagai Penasihat Undang-Undang. Pada masa itu, bangunan Pejabat Peguam Negara terletak di Bangunan Setiausaha Kerajaan di Bandar Seri Begawan. Pada masa itu hanya ada beberapa orang pegawai dan kakitangan sahaja. Yang Amat Arif Ketua Hakim dan juga saya sendiri memulakan kerjaya kami di koridor AGC yang sempit, sebagai Penasihat Undang-Undang dan Timbalan Pendakwa Raya. Adakah itu sebab yang cukup baik untuk awda memulakan kerjaya awda di Pejabat Peguam Negara?

Mungkin tidak!! Tetapi izinkan saya berkongsi dengan awda sedikit perjalanan peribadi saya dengan harapan ada antara awda nanti akan terinspirasi. Tiga tahun selepas berkhidmat dengan AGC, saya dipinjamkan di Mahkamah Majistret Kuala Belait sebagai Majistret. Pada 1 Julai 1986, saya kembali ke Pejabat Peguam Negara dan telah dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan. Pada 1989, sekali lagi saya dipindahkan ke Mahkamah tetapi kali ini sebagai Ketua Majistret sebelum dinaikkan pangkat menjadi Hakim Mahkamah Perantaraan/Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi pada 1 Julai 1991 dan kemudiannya sebagai Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi/Hakim Mahkamah Perantaraan pada 1998.

Pada 1999, saya telah dilantik sebagai Ketua Pendaftar Mahkamah Tinggi dan pada 2001 sebagai Hakim Mahkamah Tinggi sebelum dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi (Sivil) pada tahun 2006. Setelah hampir 20 tahun di Mahkamah, saya kembali ke Pejabat Peguam Negara dan kali ini sebagai Peguam Negara pada Ogos 2009. Wah!! Satu perjalanan yang panjang!! Mungkin juga sesuai untuk menambah khusus bagi wanita yang hadir di sini, saya adalah wanita Brunei yang pertama dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tinggi dan sebagai Peguam Negara, dan saya amat berbesar hati dan banyak-banyak berterima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana kepercayaan dan penghormatan yang diberikan kepada saya sendiri dan kepada wanita Brunei pada amnya.

Sudah tentu banyak perubahan telah berlaku dalam masa 20 tahun sejak saya mula meninggalkan Pejabat Peguam Negara pada 1984. Daripada sebilangan kecil pegawai pada masa itu, jumlah keseluruhan pegawai dan kakitangan kini telah mencapai 201 orang. Bagi jawatan undang-undang, terdapat 37 jawatan bagi Penasihat Undang-Undang pada 2005 dan dalam masa 10 tahun jumlahnya telah mencapai 59 jawatan yang termasuk 7 graduan daripada UNISSA. Satu lagi jawatan, Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan hanya terdapat 14 sahaja pada 2005 dan sekarang ini meningkat kepada 22. Jawatan Penasihat Undang-Undang Kanan ada 2 sahaja pada 2005 tetapi jumlahnya meningkat 3 kali ganda menjadi 6 pada 2015. Ini menunjukkan permintaan untuk profesion undang-undang telah bertambah dalam tempoh satu dekad yang lalu. Ini juga bermakna peluang untuk kemajuan kerjaya telah juga meningkat kerana lebih banyak jawatan kanan diwujudkan untuk memenuhi permintaan itu. Baru-baru ini sahaja, iklan bagi kekosongan 8 jawatan untuk Timbalan Penasihat Undang-Undang Kanan telah dibukakan kepada Penasihat Undang-Undang di Pejabat Peguam Negara dan pada masa ini sedang diproses oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Selain itu, Pejabat Peguam Negara juga menyedari keperluan untuk mensejajarkan skim perkhidmatan dengan daya saing pasaran terutama sekali daripada segi tangga gaji. Dengan memikirkan hal itu, suatu skim baru telah dicadangkan untuk menyesuaikannya dengan daya saing pasaran dan telah dihadapkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Dengan menyatakan demikian, saya berharap minat sebenar awda terhadap profesion yang mulia ini dan komitmen awda untuk memberikan perkhidmatan kepada negara kita yang tercinta ini juga akan mendorong awda memulakan kerjaya di Pejabat Peguam Negara, yang memainkan peranan penting dalam sistem perundangan Negara Brunei Darussalam dan dalam mempertahankan kedaulatan undang-undang.

Tambahan lagi, Pejabat Peguam Negara melalui Unit Sumber Tenaga Manusia dalam usaha mereka yang berterusan untuk meningkatkan keadaan Sumber Tenaga Manusia di Pejabat Peguam Negara memperkenalkan Program Pengurusan Talen khususnya bagi Pejabat Peguam Negara. Program Pengurusan Talen Pejabat Peguam Negara tidak menumpukan hanya kepada satu aspek fungsi sumber tenaga manusia sahaja tetapi juga termasuk keseluruhan proses atau aktiviti untuk mengambil kerja, mengenal pasti, mengambil berkhidmat terus, mengembangkan dan juga menggunakan talen itu untuk manfaat organisasi.

Seperti yang telah saya sebutkan tadi, pada Februari tahun ini, saya telah diberikan peluang untuk menghadiri perjumpaan dan sesi ramah mesra dengan pelajar undang-undang kita di United Kingdom. Objektif utama sesi ini ialah untuk memperkenalkan AGC dan menggalakkan pelajar-pelajar untuk memulakan kerjaya undang-undang mereka di AGC kerana saya sendiri benar-benar masih merasakan AGC adalah tempat permulaan yang sesuai untuk

menggunakan dan menambahkan pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki seorang peguam dan untuk memberikan awda pendedahan terbaik dalam aspek amalan dan bidang undang-undang yang pelbagai termasuk pendakwaan, penggubalan undang-undang dan memberikan nasihat kepada kementerian dan jabatan yang berkenaan mengenai pelbagai perkara domestik dan antarabangsa.

Saya menyedari kebimbangan utama yang ditimbulkan semasa perjumpaan saya dengan pelajar undang-undang di United Kingdom adalah mengenai kesulitan mendapatkan tempat untuk mengikuti kursus latihan *Bar Professional*. Pejabat Peguam Negara juga secara berterusan menggalakkan pegawai undang-undang sedia ada yang taat berkhidmat dengan AGC untuk mendapatkan kelayakan profesional mereka. Pejabat Peguam Negara sudah pun berhasil mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan untuk membantu awda dalam hal ini. Saya berharap penyusunan yang bersesuaian tidak lama lagi akan menjadi kenyataan dan awda akan dimaklumkan mengenainya.

Pejabat Peguam Negara terus menerima beberapa permintaan daripada pelajar-pelajar yang mengambil ijazah dalam undang-undang dan juga pelajar-pelajar yang berhasrat hendak mengambil jurusan undang-undang supaya ditempatkan di AGC. Saya berharap pendedahan kepada pelbagai kerja di Pejabat Peguam Negara akan memberikan inspirasi kepada mereka untuk

berkhidmat dalam profesion yang mulia ini. Maklum balas yang kami terima daripada mereka adalah amat menggalakkan dan saya gembira menyebutkan ada sebahagian daripada mereka telah kembali dan berkhidmat dengan Pejabat Peguam Negara sebagai salah seorang generasi baru peguam AGC.

Pelajar-pelajar yang dikasihi,

Hari Terbuka AGC hari ini adalah hari awda!! Oleh itu, saya menggesa awda, untuk mempelajari, meneroka, menemukan dan mengajukan banyak soalan apabila awda mengunjungi pameran kami yang telah diungkayahkan dengan kerja keras dan komitmen Jawatankuasa Penganjur dan pelbagai Bahagian, meskipun saya dimaklumkan dengan “tiada bajet atau bajet yang sangat sedikit”. Tetapi jangan berhenti di sini. Saya memberi jaminan pegawai-pegawai saya tidak teragak-agak bercakap dengan awda dan menjawab soalan-soalan awda mengenai kerjaya dalam undang-undang, sekiranya awda ingin berbuat demikian pada bila-bila masa.

Hari ini kita juga akan menyaksikan pelancaran Buku Laporan AGC 2013-2015 yang akan memperlihatkan kemajuan dan pencapaian Pejabat Peguam Negara bagi tempoh 2 tahun terakhir. Kami amat berbesar hati dan menjunjung kasih atas kesudian Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakkilah Hayatul Bolkiah binti Kebawah Duli Yang Maha Mula Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah merasmikan pelancarannya.

Saya mengakhiri ucapan ini dengan ‘pesanan pemasaran!’ untuk memberitahu pelajar undang-undang kita di sini dan siapa-siapa yang berkecenderungan dan berminat untuk berkhidmat dengan AGC, bahawa jawatan Penasihat Undang-Undang Bergaji Hari ada diiklankan dan dibukakan dari 30hb Ogos 2015 hingga 13hb September 2015. Kami tidak sabar-sabar mengalu-alukan awda sebagai seorang anggota ‘warga rapat AGC’ dalam masa terdekat dan tidak berapa lama lagi. Paling penting, saya menggalakkan awda untuk memberikan perkhidmatan kepada negara kita dalam profesion yang mulia ini dengan contoh tauladan dan dengan rasa kasih sayang kepada negara, dengan profesionalisme dan integriti. Kami mengharapkan awda, generasi muda untuk mengangkat profesion undang-undang di Negara Brunei Darussalam setinggi-tingginya untuk masa hadapan, di mana sahaja awda berkhidmat baik di Pejabat Peguam Negara, Jabatan Kehakiman atau pun sektor swasta.

Akhir kalam, penghargaan saya yang setinggi-tingginya diberikan kepada Jawatankuasa Penganjur, Jawatankuasa Editorial Buku Laporan, semua Ketua Bahagian, Ketua Unit dan Bahagian Pentadbiran dan Kewangan serta kakitangan sokongan yang telah menyumbangkan masa berharga dan usaha bagi menjayakan Majlis ini dan terutama sekali kepada “warga AGC saya”, setiap orang, yang tanpa mereka setiap inisiatif, setiap majlis dan pencapaian ini tidak akan berjaya.

Ampun Tuanku

Hamba Tuanku sekali lagi menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih atas keberangkatan Tuanku dan menjunjung ampun jika ada terdapat tutur kata dan suruk langkah yang kurang manis serta sebarang kecacatan dan kekurangan di dalam majlis ini.

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية ، السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Hamba Tuanku menjunjung anugeraha.

➤◀➤◀➤◀➤◀